

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 14 OKTOBER 2015 (KHAMIS)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	MOSTI bangunkan sistem UAV-RS pantau bencana	Utusan Malaysia
2.	Pesawat pantau banjir	Harian Metro
3.	Pesawat UAV-ARS bantu kumpul maklumat bencana	Berita Harian
4.	MOSTI lancar UAV-RS bagi kegunaan awam dan peroleh maklumat bencana	BERNAMA
5.	MOSTI lancar UAV-RS bagi kegunaan awam dan peroleh maklumat bencana	Borneo Post Online
6.	Malaysia launches home-made drone	New Straits Times
7.	MOSTI launches UAV-RS to gather info on disasters	BERNAMA
8.	Unmanned aircraft will be used to monitor floods during monsoon	The Sun Daily
9.	Going sky high to monitor floods	The Star
10.	Cyclonic system to cause drier weather	New Straits Times

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 20**  
**TARIKH : 14 OKTOBER 2015 (RABU)**



MADIUS TANGAU (tengah) bersama Mohd. Azahar Yahya (kiri) dan Azlikamil Napih melihat pesawat tanpa pemandu penderiaan jauh (UAV-RS) di ruang legar Agensi Remote Sensing Malaysia, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MOHD. SHAHARANI SAIBI

# MOSTI bangunkan sistem UAV-RS pantau bencana

Oleh SHEILA RANI CHANDRASEKARAN  
 pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 13 OKT.

KEMENTERIAN Sains, Teknologi dan Inovasi menerusi Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) berjaya membangunkan sistem pesawat tanpa pemandu penderiaan jauh (UAV-RS) yang

berupaya meningkatkan kecekapan memperoleh maklumat permukaan bumi untuk memenuhi keperluan pemantauan bencana di negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Madius Tangau berkata, program sistem UAV-RS yang dimulakan pada 2008 dengan kerjasama ARSM, Universiti Multimedia (MMU) dan UST. Sdn. Bhd., telah siap dibangunkan pada akhir 2013 dengan menggunakan geran Technofund yang berjumlah RM3 juta.

Katanya, data sistem UAV-RS juga boleh digunakan untuk memenuhi keperluan segera dalam bidang lain antaranya keselamatan dan pertahanan negara, perhutanan, pemantauan pembukaan tanah, masalah jerebu iaitu mengenal pasti lokasi titik panas serta kegunaan awam lain.

"Sistem pesawat udara tanpa pemandu itu mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Penerbangan Awam (DCA), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), Directorate General Technical Airworthiness (DGTA) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

"Pencapaian ini merupakan satu landasan yang penting untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah

negara yang berkebolehan sendiri dalam membangunkan teknologi UAV-RS dan dijadikan asas kepada pembangunan industri UAV negara berteraskan teknologi serta kepakaran tempatan," katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan sistem tersebut, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian, Datuk Dr. Azahar Yahya dan Ketua Pengarah ARSM, Azlikamil Napih.

Mengulas lanjut beliau berkata, sistem UAV-RS telah melakukan operasi penerbangan selama 180 jam dan empat minit sejak tahun 2014.

"UAV-RS merangkumi komponen pesawat, UAV, sistem kamera penderiaan jauh dan stesen kawalan bumi mudah alih. Ia juga dilengkapi dengan sistem sensor radar yang telah ditingkatkan keupayaan dan sistem sensor optikal.

"Sistem tersebut berupaya mengumpul maklumat permukaan bumi dalam lingkungan 100 kilometer (km) dari pusat kawalan," katanya.

Selain itu, beliau memberitahu, maklumat segera yang diperoleh melalui operasi UAV-RS juga boleh

digabungkan dengan informasi dalam pangkalan data bersepadu sedia ada di ARSM untuk menghasilkan 'output' yang dapat membantu agensi kerajaan ketika membuat penilaian, ramalan, keputusan dan tindakan susulan dengan lebih cepat serta efisien.

Dalam pada itu, Madius berkata, pihaknya juga akan mengguna pakai sistem pesawat udara tanpa pemandu yang dibina itu untuk memantau keadaan banjir di negara ini.

Katanya, sistem UAV-RS akan digunakan bagi mendapatkan data tambahan dan menyalurkan maklumat tersebut kepada pihak berkuasa apabila berhadapan dengan bencana itu.

"Kami masih akan menggunakan satelit sedia ada untuk mendapatkan imej tanah tetapi untuk data yang lebih terperinci lagi, kami akan guna pakai sistem UAV-RS kerana ia memberikan imej tiga dimensi (3D).

"Malah, dengan penggunaan UAV-RS, kita juga boleh mendapatkan data dalam waktu sebenar dan semua maklumat ini akan disalurkan kepada pihak berkuasa," ujarnya.

## Spesifikasi UAV-RS



- Berat maksimum **185 kilogram (kg)**
- Ketinggian terbang maksimum **3 kilometer (km)**
- Tempoh penerbangan maksimum **4 jam**
- Jenis bahan api yang digunakan **RON 95**
- Pengantaran **data secara 'real time'** (waktu sebenar)
- Berupaya berlepas dan mendarat **secara automatik**
- Berdaftar sebagai **'state aircraft'** (pesawat milik kerajaan) dengan DGTA dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM)

### PANDANGAN HADAPAN



### PANDANGAN BELAKANG



### PANDANGAN SISI



# Pesawat pantau banjir

Oleh Siti Fatimah Hassan  
 sfhassan@hmetro.com.my  
 Kuala Lumpur

## ■ MOSTI bangun sistem kenderaan Antena Tanpa Pemandu-Penderiaan Jauh

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berjaya membangunkan sebuah Sistem Kenderaan Antena Tanpa Pemandu-Penderiaan Jauh (UAV-RS) bagi meningkatkan lagi kecekapan dalam mengumpul data mengenai muka bumi termasuk bencana banjir serta gempa bumi.

Sistem menggunakan kapal terbang bersaiz 4.2 meter itu dibangunkan dengan kos RM3 juta menerusi kepakaran tempatan dengan kerjasama Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM), Universiti Multimedia (MMU) dan UST Sdn Bhd.

Menteri MOSTI Datuk Madius Tangau berkata, ia bukan saja digunakan untuk memantau bencana, tetapi turut membantu pelbagai agensi dan kementerian mendapatkan data terperinci termasuk mengenal pasti kawasan denggi merebak sebelum disalurkan kepada kementerian terbabit.



MADIUS (kanan) melihat kapal terbang UAV-RS ketika majlis pelancarannya, semalam.

"Peralatan ini dibina dengan keupayaannya sendiri dan mendapat kerjasama ARSM, MMU serta sebuah syarikat tempatan membabitkan kos RM3 juta.

"Ia murah dari segi penyelenggaraan dan sistem ini sokongan kepada pelbagai kementerian untuk menda-

patkan data contohnya membantu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mempertingkatkan tangkapan ikan dengan mengenal pasti kawasan berpotensi.

"Selain itu, ia boleh mengenal pasti kawasan di mana merebaknya denggi dan mak-

lumat ini disalurkan kepada Kementerian Kesihatan untuk di muat naik ke laman web mereka. Ia akan digunakan untuk memantau bencana banjir," katanya pada sidang media selepas merasmikan UAV-RS, di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MOSTI,

### SISTEM KENDERAAN ANTENA TANPA PEMANDU-PENDERIAAN JAUH (UAV-RS)



SPESIFIKASI	
Berat maksimum	185kg
Ketinggian terbang maksimum	3km
Jarak penerbangan maksimum	100km
Tempoh penerbangan maksimum	4 jam
Jenis bahan api	Ron 95
Penghantaran data secara masa sebenar (real time)	
Berupaya berlepas dan mendarat secara automatik	
Berdafat sebagai state aircraft dengan DGTA, TUUM	



Datuk Dr Mohd Azhar Yahaya dan Ketua Pengarah ARSM, Azlikamil Napiyah.

UAV-RS merangkumi komponen pesawat, sistem kamera penderiaan jauh dan stesen kawalan bumi mudah alih dan menjadi pelengkap kepada sistem penderiaan jauh sedia.

Ia berupaya mengumpul maklumat permukaan bumi dalam lingkungan 100 kilometer (km) dari pusat kawalan.

Sistem dibangunkan menerusi model prototaip sejak 2010 itu membuat operasi penerbangan selama 180 jam 4 minit.

# Pesawat UAV-RS bantu kumpul maklumat bencana



Madius (dua dari kiri) melihat sistem yang digunakan pesawat udara tanpa pemandu UAV-RS selepas majlis pelancaran di Kuala Lumpur, semalam. [FOTO ABDULLAH YUSOF/BH]

**Kuala Lumpur:** Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) semalam melancarkan sebuah pesawat tanpa juruterbang (UAV-RS) bagi kegunaan awam dan memperoleh maklumat berkaitan bencana dalam masa sebenar.

Menterinya, Datuk Wilfred Madius Tangau, berkata UAV-RS yang membabitkan kos RM3 juta itu dibangunkan di dalam negara menerusi kerjasama Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) dengan Universiti Multimedia (MMU) dan Unmanned Systems Technology (UST) Sdn Bhd.

#### Mampu terbang selama 4 jam

Katanya, UAV-RS yang mula dibina pada tahun 2008 telah melakukan operasi penerbangan selama 180 jam dan berupaya melakukan penerbangan maksimum selama empat jam.

"Ia mampu mencapai tahap maksimum ketinggian tiga kilometer (km) dan boleh dikawal dalam radius 100km dari pusat kawalan," katanya selepas melancarkan UAV-RS di ARSM di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah ARSM, Azlikamil Napiah.

UAV-RS berperanan membantu

kementerian dan agensi kerajaan lain dalam menyalurkan maklumat, antaranya mengenal pasti dan menganalisis kawasan yang kerap berlaku banjir, kawasan 'titik panas' jerebu dan pelbagai lagi di seluruh negara.

Madius berkata, pesawat berkenaan mendapat pengiktirafan dari Jabatan Penerbangan Awam (DCA), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan mendapat kelulusan organisasi penyenggaraan daripada Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

“  
Ia mampu mencapai tahap maksimum ketinggian tiga kilometer (km) dan boleh dikawal dalam radius 100km dari pusat kawalan”

**Wilfred Madius Tangau,**  
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

